

22 JUL 1997

Mahathir-Islam

KERAJAAN PUSAT AKAN HUBUNGI RAJA-RAJA MENGENAI UNDANG-UNDANG ISLAM

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Kerajaan Pusat akan cuba berhubung dengan raja-raja mengenai langkah menyeragamkan undang-undang Islam di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata perkara itu perlu diberikan perhatian kerana banyak negara di dunia termasuk negara Islam menganggap Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh.

"Kita dapati sementara dunia menganggap Malaysia sebagai sebuah negara contoh Islam nampaknya orang di Malaysia hendak menjadikan negara asing sebagai contoh," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari luar negara setelah bercuti sambil bekerja selama dua bulan.

Dr Mahathir diminta menjelaskan langkah yang akan diambil oleh kerajaan ekoran kenyataannya tiga hari lepas bahawa kerajaan pusat menghadapi masalah menyeragamkan undang-undang Islam di Malaysia kerana kuasa berhubung soal agama terletak pada raja-raja.

Beliau berkata Malaysia dianggap sebagai contoh kerana pentadbiran undang-undang Islam.

"...bukan cara pergi tangkap orang, gari orang hendak tunjuk kita ada kuasa. Itu bukan cara yang dapat meningkatkan pegangan kepada ajaran Islam," katanya tanpa menyatakan secara khusus.

Menurut laporan akhbar dua hari lepas, Dr Mahathir meluahkan rasa sedih mengenai masalah undang-undang yang tidak seragam antara negeri-negeri sedangkan agama Islam itu satu dan sama di mana-mana juga ia dianuti.

Beliau berkata mereka yang diberikan kuasa untuk mentadbirkan undang-undang Islam harus sedar bahawa kuasa itu bukan untuk dipermainkan.

Menurut laporan akhbar itu, Dr Mahathir tidak bersetuju dengan cara tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berhubung tangkapan dan pendakwaan terhadap peserta ratu cantik baru-baru ini.

"Kita boleh menasihatkan orang, kita boleh ambil tindakan secara yang lebih berkesan," katanya.

"Saya hendak tanya kenapa di Malaysia, orang Islam lebih terlibat dengan perbuatan-perbuatan yang tidak baik daripada orang bukan Islam. Pada pendapat saya sebabnya ialah ajaran Islam itu tidak disampaikan mengikut kehendak agama Islam," katanya.

Mengenai idea-idea baru yang akan beliau kemukakan setelah bercuti sambil bekerja itu, Dr Mahathir berkata ia bergantung kepada perbincangan dengan anggota-anggota kerajaan serta penerimaan pihak-pihak berkenaan terutama dalam bidang pertanian serta perniagaan kecil dan sederhana.

Katanya, antara perubahan yang boleh dilakukan ialah terhadap cara bertani di negara ini yang masih terlalu bergantung kepada tenaga manusia sedangkan Malaysia menghadapi kekurangan pekerja.

Katanya, semasa tinggal di kawasan pertanian luar bandar di England, beliau mendapati ladang yang luas beribu-ribu ekar dapat diurus dengan berkesan walaupun menggunakan tenaga pekerja yang kecil.

Di Jepun pula, beliau tertarik dengan keadaan di sana yang tidak bergantung kepada pekerja asing walaupun negara itu mempunyai ekonomi yang besar serta industri yang banyak.

Katanya, beliau dapati di hotel dan kedai-kedai, orang Jepun sendiri yang bekerja serta dapat meningkatkan daya pengeluaran mengikut keperluan mereka.

Ini berbanding dengan Malaysia yang terpaksa mendapatkan pekerja asing

dan menyebabkan banyak pengaliran keluar wang negara, katanya.

-- BERNAMA

AZZ ES AKD